



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SIARAN MEDIA

MENTERI BELIA DAN SUKAN MELANCARKAN PROGRAM KBS x KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING 2023

1. Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh telah melancarkan program **Kuala Lumpur Car Free Morning 2023 Edisi Kementerian Belia dan Sukan (KBS x KL Car Free Morning)** bertempat di **Dataran DBKL, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur**, hari ini.
2. Ini adalah kali pertama **Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** menjalinkan kerjasama strategik secara berterusan dengan **Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)** selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab sebagai penganjur utama **KL Car Free Morning (KLCFM)**.
3. Penganjuran **KLCFM Edisi Kementerian Belia dan Sukan** akan berlangsung **secara bulanan** pada **setiap hari Ahad minggu keempat** dengan mengekalkan pengisian **aktiviti utama** seperti **berbasikal, larian dan berjalan kaki**. Edisi KBS juga akan mengetengahkan aktiviti utama ini dengan pelbagai tema pakaian yang dijangka akan menjadikan tarikan utama pada edisi-edisi yang akan datang.
4. Antara kelainan yang akan ditampilkan dalam Edisi KBS yang akan datang adalah **kepelbagaian aktiviti sampingan** seperti **slot mari mencuba sukan-sukan baharu dan sukan teras, aktiviti kecergasan, sukan ekstrem, push bike, penampilan personaliti sukan termasuk atlet-atlet Sukan PARA** dan seumpamanya.
5. **KBS x KLCFM** juga merupakan platform KBS dalam **memperkasa Persatuan Sukan** terutama di Kuala Lumpur melalui kerjasama yang

dapat diberikan dalam merancang aktiviti-aktiviti bersesuaian untuk menarik lebih ramai penyertaan.

6. **Model kerjasama** KBS dengan DBKL ini **akan diperluaskan** sehingga ke peringkat negeri-negeri lain melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan PBT di negeri masing-masing.
7. Edisi KBS ini adalah usaha berterusan untuk merakyatkan aktiviti bersukan dan menggunakan sukan sebagai platform penting untuk **meningkatkan semangat ukhuwah** dan menyemai nilai-nilai murni selari dengan pendekatan **Malaysia Madani**.
8. Diharapkan menerusi penganjuran program ini dapat mencapai objektif seperti berikut:
 - 8.1 menyemai **pembudayaan sukan dalam kalangan masyarakat** dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan (sporting nation);
 - 8.2 mengukuhkan **perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan masyarakat** serta bertindak sebagai langkah intervensi sosial bagi mengelakkan gejala negatif terutamanya melibatkan belia dan anak muda; dan
 - 8.3 menyokong usaha ke arah **sasaran rendah karbon** dan meningkatkan kesedaran berkaitan **mobiliti aktif** yang bukan sahaja meningkatkan kecergasan tetapi turut membantu pencapaian **Sustainable Development Goals (SDGs)**.
9. KBS berharap agar pelaksanaan program ini akan berjalan dengan lancar dan mendapat sokongan daripada orang ramai terutamanya dalam kalangan warga kota Kuala Lumpur.
10. Sekiranya terdapat pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi JBSN di talian 03-8871 3245 atau e-mel jbsn@kbs.gov.my.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
25 JUN 2023